



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 8 MAC 2022**

| <b>BIL</b>  | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>  | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>             |
|---|--|---|
| 1.<br>2.  | MAFI WILL CONTINUE GIVING DUE ATTENTION TO LIVESTOCK INDUSTRY:<br>RONALD,NEWS, THE SUN-3<br>BEKALAN AYAM, TELUR MINGGU INI TURUN 2.7 PERATUS, BH-ONLINE  | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.                      | 20 KUCING MATI DIRACUN, NASIONAL,BH-20<br>AMBIL SAMPEL, LOKAL, HM-8<br>KUBUR KUCING DIGALI SEMULA, JPV SIASAT UNSUR KEMATIAN,<br>NEGARA,KOSMO-12<br>COPS INVESTIGATE DEATH OF 15 CAT IN BESUT, NEWS,THE SUN-5<br>POLIS SIASAT INSIDEN 20 KUCING MATI DISYAKI DIRACUN,NEGERI<br>TERENGGAGU.KELANTAN,SH-26<br>SAMPEL KUCING MATI DIRACUN DIHANTAR KE MAKMAL, UM-ONLINE<br>POLIS SIASAT 15 KUCING DIRACUN DI PANTAI, UM-ONLINE  | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)              |
| 10.   | FAMA CONTINUES TO EXPLORE NEW MARKETS FOR M'SIAN JACKFRUITS, NEWS,<br>TAMIL MALAR-6  | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)    |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19. | SEKTOR PERTANIAN TERENGGANU RUGI LEBIH RM10 JUTA, NEGERI<br>TERENGGANU.KELANTAN, SH-26<br>PETANI, PENTERNAK RUGI LEBIH RM10 JUTA, LOKAL,HM-20<br>PENTERNAK, PETANI TERENGGANU RUGI RM10J, NASIONAL, BH-18<br>PENGUSAHA TIDAK SANGKA KOLAM IKAN, UDANG PECAH AKIBAT<br>BAH,NASIONAL,BH-18<br>MUAR FISHERMEN CALL FOR IMPROVED FACILITIES, NEWS,THE SUN-2<br>DULU ASNAF KINI USAHAWAN CILI, BISNES,SH-30<br>100 PESAWAH TERPAKSA TUAI PADI CARA TRADISI, DALAM NEGERI,UM-32<br>BANJIR : SEKTOR PERTANIAN TERENGGANU RUGI LEBIH RM10 JUTA, UM-ONLINE<br>JUALAN KELUARGA MALAYSIA TERIMA SAMBUTAN MENGGALAKKAN, TRDI.MY-<br>ONLINE | LAIN - LAIN                                       |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Mafi will continue giving due attention to livestock industry: Ronald

**JOHOR BARU:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) will continue giving due attention to the needs and issues faced by livestock industry players to ensure optimal production as well as enhance the resilience of the country's food system.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee, in giving the assurance at the Food Industry Dialogue 2022 in Segamat on Sunday, said the government had formulated

strategies and initiatives to develop the country's ruminant industry so that it would have a significant impact on the livestock industry.

"Throughout the implementation period of the 12th Malaysia Plan, the livestock sector will be intensified to increase productivity and strengthen the country's food security encompassing all agro-food sub-sectors," Ronald said in a statement issued by Mafi yesterday.

He said the government had launched the National Dairy Industry Development Strategic Plan 2021-2025 and the National Dairy Industry Development Strategic Plan 2021-2025, which had various initiatives and incentives to develop the ruminant industry.

Various programmes had also been planned, including the Dairy Enhancement Programme, Ruminant Enhancement Programme and the Ruminant

Production Permanent Park Development Programme, he said.

According to Ronald, the livestock industry is projected to contribute to gross domestic product at a growth rate of 6% from RM17.15 billion in 2021 to RM28.98 billion in 2030.

The sub-sector is also expected to contribute between 32.32% and 36.4% to the total GDP of the agro-food sector from 2021 to 2030, he said. - Bernama

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 8/3/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE  |            |

## BEKALAN AYAM, TELUR MINGGU INI TURUN 2.7 PERATUS

Mac 7, 2022 @ 8:23pm



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kanan) pada Program Lawatan Kerja Agropreneur Muda Negeri Johor 2022 di Kompleks Peladang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Muar Selatan, hari ini. - Foto Bernama

**MUAR:** Bekalan ayam dan telur pada minggu ini menurun sebanyak 2.7 peratus berbanding minggu lepas, namun bekalan di pasaran ketika ini masih stabil dan mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata bekalan ayam pada minggu ini dijangka sebanyak 14.4 juta ekor, manakala telur sebanyak 243.9 juta biji.

"Sebenarnya bekalan ayam dan telur ini bermusim, pada bulan dua (Februari) ke bulan tiga (Mac) trend menurun, ia akan mula naik semula," katanya kepada Bernama selepas Program Lawatan Kerja Agropreneur Muda Negeri Johor 2022 di Kompleks Peladang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Muar Selatan di sini hari ini.

Mengenai Program Agropreneur Muda, Ahmad berkata kementerian telah menasaskan seramai 750 usahawan muda akan terhasil pada tahun ini, dengan peruntukan sejumlah RM15 juta.

Sepanjang tahun lepas, di Johor sahaja seramai 58 agropreneur sudah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan jumlah RM1.15 juta.

Daripada jumlah itu, 10 agropreneur dari Daerah Muar sudah menerima kelulusan GAM berjumlah RM200,000.

Program Agropreneur Muda diperkenalkan pada 2016 kepada golongan berumur antara 18 hingga 40 tahun, bagi membantu dan menggalakkan pembabitan golongan muda dalam sektor agrmakanan seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. – BERNAMA



# 20 kucing mati diracun

**Bangkai ditemui dengan kesan lebam, darah dan perut terburai**

Oleh Nurul Fatimah Sulaimi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kesan lebam biru pada perut, darah pada mulut dan hidung, serta ada yang terburai perut.

Demikian antara hasil pemeriksaan awal terhadap kira-kira 20 kucing yang ditemukan bergelimpangan disyaki akibat diracun, termasuk 15 mati, di kawasan Pantai Bukit Keluang, Kelantan.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Muhammad, berkata pihak penguatkuasaan dan teknikal daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Besut serta Kuala Terengganu sudah membuat pemeriksaan di lokasi kejadian.

Katanya, polis juga membuka kertas siasatan, selepas meneri-

ma aduan daripada seorang individu yang mendapat video melalui WhatsApp berhubung kejadian itu, kelmarin.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati bangkai haiwan berkenaan ditemukan seorang lelaki yang pada mulanya terlihat beberapa kucing mati bergelimpangan di atas tanah sekitar pantai itu kira-kira jam 8.30 pagi kelmarin.

"Dua kucing terbabit ditemukan mati berdekatan persisiran pantai, manakala 13 lagi di atas tanah berdekatan pokok.

"Selain itu, dua kucing dilaporkan masih hidup tetapi berada dalam keadaan kesakitan. Lelaki itu kemudian menaman semua kucing yang sudah mati berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Rozak berkata, pihak veterinar yang melakukan pemeriksaan di lokasi kejadian kemudian mengorek semula dan mengeluarkan semua bangkai kucing yang ditanam itu, sebelum mengambil sampel untuk tujuan analisis.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan (Khanat Ke Atas Bina-



Kakitangan JPV Terengganu mengeluarkan bangkai kucing ditemui di kawasan Pantai Bukit Keluang, Besut, petang semalam. (Foto ihsan pembaca)

bang) yang boleh dikenakan hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Media sebelum ini melaporkan seorang penguatkuasaan di Pantai Bukit Keluang terkejut apabila menemui bangkai kira-kira 20 kucing bergelimpangan disyaki akibat diracun, jam 9.30 pagi kelmarin.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu selesai mengambil

sampel daripada bangkai kucing untuk dianalisis di makmal sulung kes 15 haiwan itu mati bergelimpangan disyaki akibat diracun.

Pengarahnya, Dr Anun Man, berkata sampel terbabit dihantar ke makmal untuk tujuan analisis kimia dan diagnostik.

Terdahulu, katanya, sebuah pasukan operasi Unit Kebajikan Haiwan dan Penguat Kuasa Veterinar Negeri digerak untuk melakukan siasatan di lapangan.





## Kubur kucing digali semula, JPV siasat unsur kematian



JPV Terengganu menggali semula kubur kucing bagi mengambil sampel untuk dianalisis di Pantai Kuang. Besut semalam.

**BESUT** - Terdapat kesan lebam, mulut dan hidung berdarah serta sebahagiannya ditemui dalam keadaan perut terburai.

Demikian keadaan kucing-kucing yang ditemui mati dipercayai akibat diracun di Pantai Kuang di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Mohamad berkata, seorang lelaki yang juga saksi kejadian mementumkan menemui dua ekor kucing mati di pesisir pantai, manakala 13 ekor lagi dijumpai bergelimpangan di Pantai Keku-

ang. "Beberapa ekor kucing lain pula masih hidup, namun dalam keadaan kesakitan," katanya di sini semalam.

Menurut Abdul Rozak, lelaki itu kemudian menanam 20 ekor bangkai kucing di lokasi kejadian. Pasukan Penguatkuasaan dan Teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Besut dan Kuala Terengganu kemudian menggali semula kubur untuk siasatan.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan iaitu khianat ke atas binatang yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau den-

da atau kedua-duanya.

Sementara itu, Pengarah JPV Terengganu, Dr. Anum Man memberitahu, sampel telah diambil untuk analisis dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 3(1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau den-da maksimum RM100,000.

Kosmo/ semalam melaporkan seorang staf penapisan air terkejut bercampur marah apabila mendapati 20 ekor kucing mati bergelimpangan di pesisir Pantai Keluang dipercayai diracun pihak tidak bertanggungjawab.



## Cops investigate death of 15 cats in Besut

**KUALA TERENGGANU:** Police have started a probe following the discovery of several dead stray cats, believed to have been killed, at the Bukit Keluang Beach resort area in Besut last Sunday.

Besut police chief Supt Abdul Rozak Mohammad said police received a report from a man, who had received a video via WhatsApp, on the death of the cats at the resort area at about 10am on Sunday.

"A total of 15 cats were found dead while two cats were still alive but in pain," he said in a statement yesterday.

He said the complainant believed the cats were killed by an irresponsible individual or a group of people. Police are investigating the case under Section 428 of the Penal Code for committing mischief by killing or maiming animals, which provides imprisonment of up to three years or a fine, or both.

Meanwhile, the Terengganu Veterinary Services Department (VSD) conducted a post-mortem on the dead cats and samples have been sent to a laboratory for analysis.

State VSD director Dr Anun Man said the department has also launched a probe under Section 31(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772), and advised the public to lodge animal welfare complaints on its website at <https://awa/dvs.gov.my/support>. - Bernama



8/3/2022

SINAR

NEGERI  
TERENGGANU.  
KELANTAN

26

# Polis siasat insiden 20 kucing mati disyaki diracun

Dipercayai berpunca daripada perbuatan khianat oleh pihak tidak bertanggungjawab

Oleh NORHASPIDA YATIM

**BESUT**

**P**olis menyiasat insiden 20 ekor kucing mati dipercayai diracun dalam kejadian di kawasan perumahan sekitar Pantai Bukit Keluang, di sini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Mohammad berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 428 Kanun Keseksuan (khianat ke atas binatang) yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

"Pihak polis menerima aduan daripada seorang lelaki warga tempatan sekitar jam 10 pagi pada Ahad memaklumkan mengenai kejadian itu.

"Siasatan awal mendapati terdapat beberapa ekor kucing mati di sekitar pantai tersebut, dua daripadanya mati berdekatan pesisiran pantai manakala 13 ekor lagi mati di atas tanah berdekatan pokok-pokok," katanya dalam kenyataan di sini, pada Isnin.

Menurut Abdul Rozak, pengadu percaya kematian kucing-kucing itu berpunca daripada perbuatan khianat oleh individu atau pihak tidak bertanggungjawab.



Sebahagian daripada kucing-kucing yang ditemui mati di kawasan Pantai Bukit Keluang, Besut, pada Ahad.

ninggu. Kita cuba bincang sekiranya keputusan dapat dipertingkatkan lebih awal," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Menurut Anun, pasukan operasi Unit Kebajikan Haiwan dan Penguatkuasa Veterinar Negeri telah digerakkan untuk melakukan siasatan di lapangan sebaik menerima aduan mengenai insiden itu pada Ahad.

Katanya, sebanyak 15 bangkai kucing pelbagai umur, jantina dan warna dikesan berada di lokasi kejadian.

"Kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) bagi menjalankan siasatan yang lebih terperinci berkenaan aduan tersebut," katanya.

Peneruan bangkai kucing tular di media sosial sejak Ahad setelah ia ditemui bergelimpangan di kawasan rekreasi, berkenaan.

| TARIKH   | MEDIA           | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|---------|------------|
| 8/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE  |            |

## SAMPEL KUCING MATI DIRACUN DIHANTAR KE MAKMAL

Oleh ROSALINDA MD SAID  
7 Mac 2022, 1:27 pm



*KAKITANGAN Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengambil bangkai 15 kucing yang dipercayai mati diracun di pantai Bukit Keluang di Besut, semalam.*

**KUALA TERENGGANU:** Kesemua 15 sampel kucing yang dipercayai mati diracun di pantai Bukit Keluang di Besut dihantar ke makmal untuk dianalisis.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Anun Man berkata, proses bedah siasat terhadap bangkai-bangkai haiwan daripada pelbagai umur, jantina dan warna itu selesai dilakukan pihaknya, semalam.

Menurut beliau, siasatan lanjut kini dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Semalam, kita menerima aduan kucing mati disyaki diracun dan pasukan operasi Unit Kebajikan Haiwan dan Penguatkuasa Veterinar Negeri dikerahkan ke lapangan untuk melakukan siasatan.

“Bedah siasat sudah dijalankan dan sampel dihantar ke makmal untuk analisis kimia serta diagnostik,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, tular gambar dan video kucing-kucing mati bergelimpangan di pantai Bukit Keluang hingga mengundang rasa marah warganet.

Menurut Anun, pendakwaan dilakukan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun dan atau denda maksimum RM100,000.

Sehubungan itu, katanya, orang awam boleh menyalurkan sebarang aduan kebajikan haiwan secara rasmi menerusi laman web MyAnimalWelfare di <https://awa.dvs.gov.my/support>. – UTUSAN



| TARIKH   | MEDIA           | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|---------|------------|
| 8/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE  |            |

## POLIS SIASAT KEMATIAN 15 KUCING DIRACUN DI PANTAI

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
7 Mac 2022, 12:03 pm



ANTARA 15 kucing yang ditemukan mati dipercayai diracun di Pantai Bukit Keluang di Besut, semalam.

**BESUT:** Polis menjalankan siasatan berhubung insiden kematian 15 kucing yang dipercayai diracun di Pantai Bukit Keluang di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah, Superintenden Abdul Rozak Muhammad berkata, tindakan itu diambil susulan laporan dibuat seorang pengadu selepas menerima kiriman mesej dan video kematian haiwan-haiwan comel berkenaan.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian itu disedari seorang lelaki yang melihat beberapa ekor kucing bergelimpangan di sekitar pantai pada pukul 8.30 pagi.

“Dua kucing mati berdekatan di persisiran pantai manakala 13 bangkai lain ditemukan berdekatan pokok.

“Terdapat kesan lebam biru pada perut kucing manakala darah pada mulut dan hidung di samping perut terburai,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rozak berkata, kesemua kucing mati itu kemudian ditanam oleh lelaki berkenaan.

Bagaimanapun katanya, pihak penguatkuasaan dan teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Besut dan Kuala Terengganu ke lokasi kejadian bagi mengorek semula dan mengeluarkan kesemua kucing ditanam bagi mengambil sampel untuk tujuan analisis.

“Pengadu percaya kematian kucing-kucing itu adalah daripada perbuatan khianat individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab yang sengaja membunuh kucing.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan (Khianat ke atas Binatang) yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 3 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Sementara itu, kakitangan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Badrul Hafeezy Ali, 35, sebak melihat kucing yang sering diberi makan mati bergelimpangan di kawasan Pantai Bukit Keluang.

Katanya, bangkai haiwan berkenaan ditemukan ketika dia bersama rakannya, Roshanapi Osman, 39, kebetulan melalui kawasan itu. – UTUSAN



07 MAR, 2022

## FAMA continues to explore new markets for M'sian jackfruit

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

# மலேசியாவில் பலாப்பழத்திற்கான புதிய சந்தைகளை ஃபாமா தொடர்ந்து ஆராய்ந்து வருகிறது

துபாய், மார்ச். 6-

ஐக்கிய அரபு எமிரேட்ஸ் (யு.ஏ.இ), சிங்கப்பூர் மற்றும் ஹாங்காங்கில் பாரம்பரிய சந்தைகளை வலுப்படுத்தும் அதே வேளையில், உள்ளூர் பலாப்பழங்களை ஏற்றுமதி செய்வதற்கான புதிய சந்தைகளை மத்திய வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் (ஃபாமா) தொடர்ந்து ஆராய்ந்து வருவதாக அது நேற்று ஓர் அறிக்கையில் அறிவித்துள்ளது.

மலேசிய பலாப்பழத்தின் வகைகள் மற்றும் தரம் காரணமாக வெளிநாடுகளில் இருந்து அதிக தேவை இருப்பதாக ஃபாமா இயக்குநர் ஜெனரல் டத்தோ ஜைன்ல் அபிடின் யாங் ரசாலி



நேற்று ஒரு தனி அறிக்கையில் கூறினார்.

“வெளிநாடுகளில் மலேசிய பலாப்பழத்தின் தேர்வு சிறப்பாக உள்ளது. இதற்கிடையில்,

திங்கட்கிழமை முதல் ஐந்து நாட்களுக்கு எக்ஸ்போ 2020 துபாயில் நடைபெறும் நிலையான விவசாய வாரத்தில் ஃபாமா பங்கேற்கும்.

இது, ஐக்கிய அரபு எமிரேட்ஸ் மட்டுமின்றி வளைகுடா நாடுகளிலும் அதன் ஏற்றுமதி சந்தைகளை விரிவுபடுத்த முடியும்” என்று ஜைன்ல் அபிடின் கூறினார்.

இதற்கிடையில், மலேசிய நிறுவனமான SunFresh Foods Sdn Bhd புதிய பலாப்பழங்களை வழங்குவதற்காக சூடியமனை குழுமத்துடன் புரிந்துணர்வு ஒப்பந்தத்தில் (MoU) கையெழுத்திட்டுள்ளது.





07 MAR, 2022

## FAMA continues to explore new markets for M'sian jackfruit

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

மடலசியாவில் பலாப்பழத்திங்கான பூதிய பாமா காடர்ந்து ஆராய்ந்து வருகிறது துபாய் ,மார்ச் . 6- - திங்கட்கிழமை மூதல் ஐந்து ஐக்கிய அரபுமீரேட்ஸ் (புஎஇ), சிங்கப்பூர் மற்றும் ஹாங்காங்கில் பாரம்பரிய சந்தகைளவை வலுப்படுத்தும் அதே வளேயையில் , உள்ளூர் பலாப்பழங்களை ஏற்றுமதி செய்வதற்கானபூதிய : சந்தகைளவை மத்திய வளேளாண் சந்தபைப்படுத்தல் ஆணையம் (பாமா) தடொடர்ந்து ஆராய்ந்து வருவதாக அது நதேற்று ஓர் அறிக்கையில் அறிவித்துள்ளது. மலசீய பலாப்பழத்தின் வகைகள் மற்றும் தரம் காரணமாக வளேளிநாடுகளில் இருந்து அதிக. தவேவை இருப்பதாக ஃபாமா இயக்குநர் ஜனெனல் டத்தடோ ஜனைல் அபிபின் யாங் ரசாலி நதேற்று ஒரு தனி அறிக்கையில் கூறினார் .

| TARIKH   | MEDIA | RUANGAN                           | MUKA SURAT |
|----------|-------|-----------------------------------|------------|
| 8/3/2022 | SINAR | NEGERI<br>TERENGGANU.<br>KELANTAN | 26         |

## Sektor pertanian Terengganu rugi lebih RM10 juta

**KUALA TERENGGANU** - Banjir besar yang melanda Terengganu baru-baru ini menyebabkan sektor pertanian dan perikanan yang menjadi sumber utama ekonomi masyarakat di negeri itu musnah dengan nilai kerugian ditanggung melebihi RM10 juta.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim berkata, ia melibatkan lebih 1,000 petani, penternak dan nelayan.

Beliau berkata, antara kawasan yang terjejas teruk banjir melibatkan pesawah padi dan pengusaha tembikai di Besut dan Setiu serta penternakan akuakultur di sekitar Sungai Terengganu di daerah Kuala Terengganu.

“Kita telah bentangkan maklumat ini di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk diambil perhatian dan kerajaan kini sedang mempertimbangkan jumlah sesuai untuk membantu rakyat kembali bangkit semula dan sektor yang terjejas.

“Bantuan itu juga diharap dapat meringankan beban mereka sama ada untuk membaiki sangkar atau infrastruktur lain yang rosak atau mendapatkan benih baharu,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2022 di sini pada Isnin.

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 8/3/2022 | HARIAN METRO | LOKAL   | 20         |

## **BAHANA BANJIR**

# Petani, penternak + rugi lebih RM10 juta

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri menganggarkan kerugian dialami petani dan penternak melebihi RM10 juta disebabkan banjir luar biasa yang melanda negeri itu, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor pertanian menjadi bidang paling teruk terjejas disebabkan banjir itu.

Katanya, kerajaan juga menganggarkan puluhan ribu hektar tanaman kon-

tan terutama tembikai ditenggelami air.

“Kita masih mengumpul data bagi menentukan jumlah keseluruhan kerugian dialami disebabkan kawasan pertanian ditenggelami air.

“Secara keseluruhan, banjir luar biasa yang melanda adalah di kawasan pertanian dan perikanan,” katanya kepada media selepas mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar merasmikan Persidangan Perlindungan Sinaran 2020 di sini, semalam.



# Penternak, petani Terengganu rugi RM10j

Puluhan ribu hektar tanaman musnah akibat banjir luar biasa

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri menganggarkan kerugian dialami petani dan penternak mencecah RM10 juta disebabkan banjir luar biasa, Ahad lalu. Pengerusi Jawatankuasa Per-

tanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim, berkata paling teruk terjejas disebabkan banjir luar biasa yang melanda negeri ini adalah sektor pertanian.

Katanya, kerajaan menganggarkan puluhan ribu hektar tanaman kontan terutama tembikai ditenggelami air.

"Kita masih mengumpul data bagi menentukan jumlah kerugian kerana jumlah pertanian ditenggelami air.

"Secara keseluruhan, banjir luar biasa yang melanda adalah di kawasan pertanian dan perikanan," katanya kepada media



Dr Azman (dua dari kiri) melawat gerai pameran selepas merasmikan Persidangan Perlindungan Sinaran 2020, di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Baharom Bakar/BH)

selepas mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar merasmikan Persidangan Perlindungan Sinaran 2020, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Persatuan Perlindungan Sinaran (MARPA), Mohd Sidek Othman.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, berkata selain kawasan

pertanian ditenggelami air, ribuan sangkar ikan juga musnah manakala puluhan ribu ikan diternak juga mati.

Katanya, kerajaan negeri akan membantu untuk menyalurkan bantuan kepada petani dan pengusaha sangkar ikan menggunakan dana daripada tabung bencana pertanian.

"Kita juga sudah memohon peruntukan tambahan daripada

kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri hanya mahu peruntukkan RM1 juta untuk tempoh setahun kepada tabung bencana pertanian.

"Pada mesyuarat exco Rabu lalu, kita sudah bentangkan jumlah kerugian dialami dalam sektor pertanian dan perikanan disebabkan bencana banjir, selain peruntukan tambahan di-

perlukan," katanya.

# Pengusaha tidak sangka kolam ikan, udang pecah akibat bah

**Kuala Berang:** Kedudukan sembilan kolam udang galah, kelah, jelawat dan baung di atas Bukit Jela, di sini, dilihat amat selesa daripada ancaman banjir namun jangkakan itu meleset apabila dua daripadanya pecah manakala selebihnya mengalami limpahan air dalam kejadian banjir yang berlaku, minggu lalu.

Pengusaha kolam, Mohd Rahmat Salimi, 36, berkata, dia mempunyai 27 kolam di atas bukit itu dan buat masa ini, hanya sembilan kolam yang digunakan.

Katanya, kolam itu diusahakan sejak lapan tahun lalu dengan tiga daripada mereka menempatkan udang galah, dua kolam ikan kelah dan selebihnya kolam ikan jelawat dan baung.

"Dua daripada kolam udang galah pecah manakala kolam lain mengalami limpahan air, berikutan berlakunya fenomena kepala air di kawasan bukit ini, Ahad lalu.

"Akibat kejadian itu, saya mengalami kerugian



Mohd Rahmat (kanan) menunjukkan baki udang galah yang ditangkap di dalam kolam terdudukannya yang pecah di Bukit Jela, Kuala Berang. (Foto Nazzy Hacun/BH)

hampir RM90,000 dan jumlah itu tidak termasuk kos urut bak pulih kolam yang rosak.

"Sebanyak 128 induk dan 600 benih ikan kelah, udang galah, jelawat dan baung hanyut, berikutan limpahan air pada hari kejadian," katanya.

Mohd Rahmat berkata, banjir yang berlaku sebelum ini tidak menjejaskan kolam yang diusahakannya kerana terletak di atas bukit namun berbeza dengan banjir kali ini apabila ia mengalami kerosakan sehingga mengakibatkan kerugian besar.

Katanya, sistem paip sepanjang 200 meter yang digunakan pada kolamnya juga mengalami kerosakan dan sebahagian daripada paip itu turut hanyut.

Menurutnya, kejadian kali ini amat menguji dirinya kerana hampir keseluruhan aktiviti penternakan di kolamnya lumpuh.

Mohd Rahmat berkata, sebelum ini dia turut mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan pihak berkenaan sudah pun dimaklumkan mengenai kejadian terbahit.

## Muar fishermen call for improved facilities

**MUAR:** The Muar District Fishermen's Association has expressed hope that the next Johor government, after the March 12 polls, would focus on improving facilities for fishermen and upgrading the Parit Jawa jetty.

Its chairman Kamaruddin Arshad said the situation at the jetty is satisfactory at present, but it needed further improvements to ensure greater comfort and convenience.

"The fishermen's association has planned to build a 'slab' boat ramp for the purpose of washing boats at the jetty as an upgrade, so that the area is more beautiful than at present."

He said there are 1,047 members registered with the association.

Zainal Abdul Jalil, a member of the association's board of directors, said new applicants for fishermen's licences would comprise experienced seamen.

He said as the area for fishing in the west coast is limited, permits should only be issued to those with the necessary experience and interest to become fishermen.

"For example, a person must have experience at sea of at least 10 years before he can obtain the licence."

Zainal said apart from qualifications and experience, boats and fishing equipment were also taken into consideration to ensure the safety of fishermen.

He added that fishermen were given 30 days to renew their licences before the documents expire, based on the type of fishing activities they engage in. - Bernama



# Dulu asnaf kini usahawan cili

Dalam masa empat bulan raih RM10,000 dengan 1,000 polibeg cili

Oleh SAIFULLAH AHMAD

**PARIT**

Jika dahulu bekerja kampung dengan pendapatan tidak menentu, kini seorang anak muda berjaya keluar dari kepompong kemiskinan selepas berkecimpung dalam bidang pertanian.

Muhammad Salleh Jamal, 32, dari Kampung Talang, Tanjung Belanja di sini memulakan tanaman cili di tanah seluas 0.4 hektar selepas mengikuti kursus dan latihan di Institut Agro Usahawan (IGROW) yang ditaja Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).



Muhammad Salleh (kanan) bersama Pengerusi Eksekutif IGROW, Nordin Abdul Malek memetik cili yang ditanam di atas tanah seluas 0.4 hektar.

Menurutnya, berbekalkan ilmu pengetahuan dan bimbingan yang diperolehi dalam tempoh tiga bulan, tanaman cili secara fertigasi sebanyak 1,000 polibeg mula mengeluarkan hasil se-

tingga dua tan metrik.

“Dulu macam-macam kerja kampung saya buat seperti ambil upah meracun, potong buah sawit dan sebagainya dengan pendapat-

bolelah dapat sehingga RM1,500 lepas buat macam-macam kerja.

“Tapi Alhamdulillah, dengan bantuan MAIPK dan IGROW, dalam masa empat bulan saya berjaya peroleh RM10,000 hasil tanaman cili fertigasi yang diusahakan ini,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengakui bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan modal besar dan kemahiran, Muhammad Salleh tekad untuk mengubah hidup diri sendiri serta keluarga.

Menurutnya, bidang pertanian memang diminati mandangkan kerja-kerja kampung yang dilakukan sebelum ini berkait rapat dengan bidang tersebut.

Jelasnya, penggunaan teknologi fertigasi dalam penanaman itu memberi satu ilmu yang baharu yang memudahkannya menguruskan tanaman cili berkonsentrasi memertukan ramai pekerja.

“Memang kita nampak hasil cili ini menjadi tetapi kalau tak ada ilmu memang tak akan berjaya. Ada masanya cili-cili ini diserang penyakit dan rosak namun disebabkan ilmu serta bimbingan yang diberi, saya dapat atasi masalah ini.

“Melihat kepada kejayaan ini, saya merancang untuk menambah lagi bilangan cili untuk memaksimumkan penggunaan tanah yang sedia ada sebab sekarang ini hanya guna suku ekar,” katanya.

Walaupun modal awal sebelum ini berjumlah RM15,000 dibantu oleh MAIPK, dia kini sudah mempunyai modal sendiri untuk membesarkan lagi keluasan tanaman cili ini.

Selain itu, beberapa orang rakannya turut berminat untuk belajar dan memberikan sokongan terhadap usaha ini.

Muhammad Salleh yakin beberapa tahun lagi dia mampu menjadi antara pengeluar tanaman makanan di Perak Tengah.



8/3/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32



RAMLI Abdullah terpaksa menuai padi dengan tangan setelah jentera menuai tidak dapat masuk di kawasan itu kerana tanah lembut ekoran air bertakung di Kampung Sungai Bugis, Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI

Jentera tidak boleh masuk, tanah lembut, air bertakung

## 100 pesawah terpaksa tuai padi cara tradisi

Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@meplamulla.com.my

**ARAU:** Kira-kira 100 pesawah dari Kampung Sungai Bugis di sini terpaksa menuai padi menggunakan tangan apabila jentera tidak dapat masuk ke kawasan tersebut kerana tanah lembut ekoran air bertakung.

Jentera berat tersebut lazimnya boleh beroperasi sekiranya air dalam kawasan penanaman padi kering atau tidak terlalu banyak air kerana mesin padi boleh tersangkut jika tanah terlalu lembut.

Dakwa pesawah, masalah tersebut berpunca apabila air telah dilepaskan ke kawasan bendang berkenaan ketika padi sudah masak.

Sepatutnya tanaman di situ sudah boleh dituai sebulan lalu namun disebabkan masalah tersebut pesawah perlu menunggu sehingga air semakin kering.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Ramli Abdullah, 66, berkata, kira-kira 70 peratus daripada keseluruhan 86 hektar kawasan sawah di kampung tersebut terjejas akibat masalah berkenaan.

Katanya, hasil padi mereka sepatutnya sudah boleh dituai pada usia 110 atau 111 hari, namun kini sudah menjangkau usia sehingga 140 hari iaitu lebih sebulan daripada waktu yang sepatutnya.

"Kami tunggu air kering sedikit untuk mesin padi datang ambil. Namun ditambah pula dengan hujan lebat kebelakangan ini, air terus banyak dan apabila mesin padi masuk ia terus terus tersangkut kerana tanah lembut dan berair.

"Jadi, tak banyak padi yang boleh diambil dengan mesin padi. Kami terpaksa cari pisau mengerat padi sendiri," katanya. Sementara itu, Azhari Lazim,

40, pula berkata, dia terpaksa memikirkan kreativiti sendiri dengan menggunakan mesin rumput untuk menuai padi yang kini sudah ranum daripada terus rugi dan dibiarkan begitu sahaja.

Menurutnya, ada juga pesawah yang kecewa dan terus meninggalkan sahaja padi mereka apabila jentera mesin padi tenggelam di kawasan sawah.

"Ada sawah jiran saya yang ditinggalkan begitu sahaja dan beri pada saya untuk tuai menggunakan mesin rumput. Ini adalah pertama kali masalah seperti ini terjadi sekali gus merugikan pesawah-pesawah di sini.

"Selepas kami tuai dengan tangan, kami perlu melerakan padi pula yang memerlukan kami memikirkan caranya seperti mengirik ataupun memijak dengan kaki kerana pada zaman sekarang sudah susah untuk mendapatkan tong padi," ujarnya.

| TARIKH   | MEDIA              | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|---------|------------|
| 8/3/2022 | UTUSAN<br>MALAYSIA | ONLINE  |            |

## **BANJIR: SEKTOR PERTANIAN TERENGGANU RUGI LEBIH RM10 JUTA**

Oleh ROSALINDA MD. SAID

7 Mac 2022, 5:25 pm



AZMAN IBRAHIM

**KUALA TERENGGANU:** Sektor pertanian negeri kerugian lebih RM10 juta akibat banjir besar yang melanda baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, jumlah kerugian itu melibatkan lebih 1,000 pemain industri termasuk golongan petani, penternak dan nelayan.

Katanya, antara yang terjejas teruk ialah pesawah padi dan pengusaha tembikai di Besut dan Setiu di samping penternakan akuakultur di sekitar Sungai Terengganu di daerah ini.

“Data awal kerugian itu sudah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk diambil perhatian kerana kita merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai tabung bencana pertanian dengan dana RM1 juta.

**“Insya-Allah kerajaan negeri akan mempertimbangkan satu jumlah yang sesuai bagi membantu rakyat bangkit kembali dan pemberian bantuan itu sekurang-kurangnya dapat meringankan beban mereka untuk mendapatkan benih mahu pun membaiki sangkar atau infrastruktur yang rosak,” katanya.**

**Beliau berkata dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2022 di sini hari ini.**

**Azman berkata, bentuk-bentuk bantuan yang bakal disalurkan bukan melibatkan ganti rugi keseluruhan sebaliknya menerusi pemberian benih, baja dan kelengkapan lain yang diperlukan.**

**Dalam pada itu, beliau menasihatkan semua pemain industri yang terjejas agar membuat laporan kepada jabatan terlibat di samping laporan polis bagi membolehkan penyaluran bantuan disegerakan.**

**– UTUSAN**



| TARIKH   | MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|---------|------------|
| 8/3/2022 | TRDI.MY | ONLINE  |            |

## JUALAN KELUARGA MALAYSIA TERIMA SAMBUTAN MENGGALAKKAN

**KUALA TERENGGANU, 6 Mac** – Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang diadakan di Tapak Pasar Malam Tok Adis pada Jumaat dan Sabtu yang lalu menerima sambutan yang menggalakkan.

Dilaporkan jumlah kehadiran selama dua hari tersebut hampir mencecah seribu orang pengunjung meskipun dalam keadaan hujan.

PJKM merupakan sebuah inisiatif daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membantu mengurangkan kos sara hidup dan beban yang ditanggung oleh rakyat.

Menurut Ahli Jawatankuasa PJKM Parlimen Kuala Terengganu, Hamiezah Mohd Lazim program tersebut telah bermula sejak Disember yang lalu di Kuala Berang.

“Kami mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), pasaraya, pemborong dan usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) untuk memastikan harga jualan di sini lebih rendah daripada biasa.



Puan Hamiezah menginringi En. Mohd bertemu dengan usahawan IKS



“Parlimen Kuala Terengganu akan bergilir-gilir dengan Parlimen Kuala Nerus dengan lokasi jualannya ditetapkan oleh pihak kami.

“Sebelum ini di Parlimen Kuala Terengganu kita pernah adakan di Giant (DUN Bandar), Nirwana (DUN Wakaf Mempelam) dan sekarang di Tapak Pasar Malam Tok Adis (DUN Batu Buruk), kata Hamiezah ketika ditemui pemberita di lokasi jualan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Buruk juga telah menyampaikan sumbangan kepada sebahagian pembekal untuk dikurangkan lagi harga jualan.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pembantu Penyelia Hal Ehwal Kemasyarakatan Institut Modal Insan Sejahtera (i-MITS) DUN Batu Buruk, Mohd Yusof.

Sebarang maklumat berkenaan lokasi mingguan PJKM ini boleh rujuk di laman Facebook KPDNHEP Terengganu.



Harga daging selepas potongan harga hasil sumbangan ADUN Batu Buruk